

18 OCT 2002

Mahathir-Pakistan/I

DR MAHATHIR TIBA DI PAKISTAN UNTUK LAWATAN DUA HARI

Oleh: Azman Ujang

ISLAMABAD, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini Jumaat untuk lawatan dua hari ke Pakistan, negara kedua yang mempunyai penduduk Islam paling ramai di dunia.

Pesawat khas kerajaan Malaysia Global Express Bombardier, yang membawa Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Islamabad pada 10.10 pagi di tengah-tengah kawalan keselamatan yang ketat, selepas beliau mengadakan lawatan tiga hari ke India.

Dr Mahathir dan isteri disambut oleh Menteri Kewangan Pakistan Shaukat Aziz yang juga menteri pengiring dalam lawatan ini, yang dilakukan dua tahun selepas Presiden dan Ketua Eksekutif Pakistan Jen Pervez Musharraf melawat Malaysia.

Dr Mahathir dijadualkan menemui Musharraf malam ini untuk membincangkan isu-isu dua hala dan antarabangsa dengan, menurut pegawai kanan Pakistan, Musharraf berharap dapat "memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Dr Mahathir".

Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia Nasim Rana memberitahu Bernama bahawa negaranya menganggap Perdana Menteri Malaysia bukan sahaja sebagai pemimpin rantau Asia Tenggara dan dunia Islam malah pemimpin dunia.

Rana berkata walaupun tidak ada agenda ditetapkan bagi mesyuarat antara kedua-dua pemimpin itu, Pakistan sangat berminat untuk mencari cara bagi menangani ketidakseimbangan perdagangan dua hala sekarang yang kini banyak memihak kepada Malaysia.

"Pakistan mahu menerokai lebih banyak bidang di mana Malaysia boleh mendapatkan kepakaran Pakistan dalam teknologi komunikasi maklumat (ICT), industri pertahanan, produk pertanian dan daging halal, untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini yang kini memihak kepada Malaysia sebanyak sembilan ke satu," katanya.

Eksport Malaysia ke Pakistan kebanyakannya ialah minyak sawit dengan purata AS\$450 juta setahun manakala import barangan Pakistan adalah sebanyak AS\$50 juta. Pakistan ialah pengimport ketiga terbesar minyak sawit Malaysia.

Sejurus selepas tiba, Dr Mahathir akan diberi taklimat mengenai industri ICT Pakistan oleh Menteri Sains dan Teknologi Dr Atta-ur-Rahman pada mesyuarat dengan pakar-pakar ICT.

Beliau akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Faisal sebelum menghadiri majlis dialog dengan ahli-ahli perniagaan Pakistan.

Perdana Menteri juga akan menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian antara syarikat-syarikat Malaysia dan Pakistan -- bagi pembinaan jeti kargo cecair untuk minyak sawit antara Pelda Holdings Sdn Bhd dan Pasim Port Authority serta perjanjian perdagangan timbal balas antara Jawala Corporation dan rakan kongsi tempatannya.

Dr Mahathir turut dijadual merasmikan loji tenaga Liberty, projek penjana kuasa menggunakan gas bernilai RM1.8 bilion, yang dibina dan dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad, iaitu pelaburan terbesar Malaysia di Pakistan.

Pertemuan Mahathir-Musharraf dijadualkan selama 90 minit di pejabat presiden sebelum kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia dan Lembaga Eksport Perisian Pakistan mengenai ICT.

Kedua-dua pemimpin itu akan mengadakan persidangan bersama malam ini

sebelum Musharraf meraikan rombongan Malaysia itu termasuk Menteri Luar
Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu jamuan malam.

Dr Mahathir akan berlepas ke Riyadh awal pagi Sabtu untuk lawatan ke
Arab Saudi pula.

-- BERNAMA
AU AHH NAK